


RABU  
08 05  
2019

**BH** SKOR

bhskor@bh.com.my

**\$ 6 - 8 SEJARAH**

Ujian Sejarah (Kertas 1)



# HEMAT BERBELANJA

➔ Membeli ikut keperluan bukan kehendak, rancang kewangan

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**enjelang musim perayaan terutama membabitkan perayaan utama di negara

ini, kita dapat menyaksikan kelaziman masyarakat mengunjungi pusat beli-belah dan kedai jualan bagi menyediakan keperluan serta kelengkapan.

Dengan tawaran potongan harga istimewa dan promosi pembelian cukup menarik, masyarakat bukan sahaja

sanggup bersesak kerana teruja mencari pakaian raya seisi keluarga untuk digayakan pada hari bermakna itu, tetapi juga leka membelanjakan wang untuk aksesori, hiasan rumah dan kuih raya.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah, Jaringan Industri

dan Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata situasi itu menunjukkan corak perbelanjaan masyarakat di Malaysia ketika membuat persiapan perayaan berada pada skala membimbangkan. **S2**


MEMBIMBING  
KE ARAH  
KEMAHIRAN  
BERFIKIR  
ARAS TINGGI  
(KBAT)

Layari [www.FullAMark.com.my](http://www.FullAMark.com.my) untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak soalan SPM

[Masa: 2 jam]  
[80 markah]

- Kertas peperiksaan ini mengandungi 25 soalan.
- Jawab semua soalan.
- Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
- Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

- 1 Diagram 1 shows the relation between set X and set Y.  
Rajah 1 menunjukkan hubungan antara set X dengan set Y.

Diagram 1  
Rajah 1

- (a) State the value of  $m$  if  $m > 0$ .  
Nyatakan nilai bagi  $m$  jika  $m > 0$ .
- (b) Using the function notation, express  $h^{-1}(x)$  in term of  $x$ .  
Dengan menggunakan tatatanda fungsi, ungkapkan  $h^{-1}(x)$  dalam sebutan  $x$ .  
[2 marks / 2 markah]
- 2 Given the function  $f: x \rightarrow px + 6$ , find the value of  $p$  if the image is 12 when the object is 2.  
Diberi fungsi  $f: x \rightarrow px + 6$ , cari nilai  $p$  jika imej ialah 12 apabila objek ialah 2.  
[2 marks / 2 markah]
- 3 It is given that  $f: x \rightarrow \frac{3}{x-k}$ ,  $x \neq 5$ . Find  
Diberi bahawa  $f: x \rightarrow \frac{3}{x-k}$ ,  $x \neq 5$ . Cari  
(a) the value of  $k$ ,  
nilai bagi  $k$ ,  
(b)  $f^{-1}(x)$ .  
[2 marks / 2 markah]
- 4 Given that  $\log_2 3 = p$  and  $\log_2 5 = q$ , express  $\log_3 25$  in term of  $p$  and  $q$ .  
Diberi  $\log_2 3 = p$  dan  $\log_2 5 = q$ , ungkapkan  $\log_3 25$  dalam sebutan  $p$  dan  $q$ .  
[3 marks / 3 markah]
- 5 Solve the equation:  
Selesaikan persamaan:  
 $4^{2m-1} = 3^{2x}$   
[4 marks / 4 markah]
- 6 Given  $a$  and  $b$  are the roots of the quadratic equation  $x^2 + 2x - 15 = 0$ . Find the value of  $a^2$  if  $a > b$ .  
Diberi  $a$  dan  $b$  ialah punca bagi persamaan kuadratik  $x^2 + 2x - 15 = 0$ . Cari nilai bagi  $a^2$  jika  $a > b$ .  
[3 marks / 3 markah]
- 7 The quadratic function  $f(x) = x^2 + 4x + p$  can be expressed in the form  $f(x) = (x+m)^2 + 3$ , where  $m$  and  $p$  are constant. Find the values of  $m$  and  $p$ .  
Fungsi kuadratik  $f(x) = x^2 + 4x + p$  boleh diungkapkan dalam bentuk  $f(x) = (x+m)^2 + 3$ , di mana  $m$  dan  $p$  ialah pemalar. Cari nilai bagi  $m$  dan  $p$ .  
[3 marks / 3 markah]

- 8 Find the range of values of  $x$  for  $2x^2 \leq 3x + 5$ .  
Cari julat  $x$  bagi  $2x^2 \leq 3x + 5$ .  
[3 marks / 3 markah]

- 9 Find the equation of the straight line that passes through  $R(4, -3)$  and is perpendicular to the straight line  $\frac{x}{3} - \frac{y}{6} = 1$ .  
Cari persamaan garis lurus yang melalui  $R(4, -3)$  dan berserenjang dengan garis lurus  $\frac{x}{3} - \frac{y}{6} = 1$ .  
[3 marks / 3 markah]

- 10 The variables  $x$  and  $y$  are related by the equation  $y = \frac{2}{3}h^x$ , where  $p$  is a constant. When  $\log_2 y$  against  $x$  is plotted, a straight line graph with a gradient of 4 and the  $\log_2 y$ -intercept of  $m$  is obtained.

- Pemboleh ubah  $x$  dan  $y$  dihubungkan oleh persamaan  $y = \frac{2}{3}h^x$ , dengan keadaan  $p$  ialah pemalar.  
Apabila  $\log_2 y$  melawan  $x$  diplotkan, satu graf garis lurus dengan kecerunan 4 dan pintasan  $\log_2 y$   $m$  diperolehi.  
(a) Find the value of  $h$ .  
Cari nilai  $h$ .  
(b) Express  $m$  in terms of the logarithm to base 2.  
Ungkapkan  $m$  dalam sebutan logaritma kepada asas 2.  
[3 marks / 3 markah]

- 11 The second and the fifth term of an arithmetic progression are 40 and 121 respectively.  
Find  
Sebutan kedua dan sebutan kelima suatu janjang aritmetik masing-masing ialah 40 dan 121. Cari  
(a) the common difference,  
beza sepunya,  
(b) the first term.  
sebutan pertama.  
[3 marks / 3 markah]

- 12 Aisyah saved RM 1 000 in a bank at the beginning of the year 2010 and the bank pays an interest of 5% per annum. If she reinvested the interest earned every year, determine the year when her savings exceed RM1 800.  
Aisyah menyimpan RM 1 000 di sebuah bank pada awal tahun 2010 dan bank itu membayar faedah sebanyak 5% setahun. Jika dia melabur semula faedah yang diperolehi setiap tahun, tentukan tahun yang manakah simpanannya melebihi RM 1 800.  
[4 marks / 4 markah]

13



Ismail

The sequence  $10x^2, 5x, \frac{5}{2}$  is a geometric progression.Jujukan  $10x^2, 5x, \frac{5}{2}$  ialah suatu janjang geometri.

- (a) Is Ismail correct?  
Adakah Ismail betul?  
(b) Give the reason to support your answer in (a).  
Beri sebab untuk menyokong jawapan anda di (a).  
[2 marks / 2 markah]



→ Dari 54

14 Diagram 2 shows two vectors,  $\vec{OP}$  and  $\vec{OQ}$ .

Rajah 2 menunjukkan dua vektor,  $\vec{OP}$  dan  $\vec{OQ}$ .




Diagram 2  
Rajah 2

Express  
Ungkapkan

(a)  $\vec{OQ}$  in form  $\begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix}$ ,

$\vec{OQ}$  dalam bentuk  $\begin{pmatrix} x \\ y \end{pmatrix}$ ,

(b)  $\vec{PQ}$  in form  $x_i + y_j$ .

$\vec{PQ}$  dalam bentuk  $x_i + y_j$ .

[4 marks / 4 markah]

15 Given that  $\vec{a} = \begin{pmatrix} -2 \\ 4 \end{pmatrix}$  and  $\vec{b} = \begin{pmatrix} 3 \\ -4 \end{pmatrix}$ , find the value of  $p$  such that  $2p\vec{a} - \vec{b}$  is parallel to the  $x$ -axis.

Diberi  $\vec{a} = \begin{pmatrix} -2 \\ 4 \end{pmatrix}$  dan  $\vec{b} = \begin{pmatrix} 3 \\ -4 \end{pmatrix}$ , cari nilai bagi  $p$  di mana  $2p\vec{a} - \vec{b}$  adalah selari dengan paksi-x.

[3 marks / 3 markah]

16 Given  $\sin \theta = \frac{1}{q}$  where  $q$  is a constant and between  $90^\circ \leq \theta \leq 180^\circ$ . Find

Diberi  $\sin \theta = \frac{1}{q}$  dengan keadaan  $q$  ialah pemalar dan antara  $90^\circ \leq \theta \leq 180^\circ$ . Cari

(a)  $\sin^2 \theta + \cos^2 \theta$

$\sin^2 \theta + \cos^2 \theta$

(b)  $\tan \theta$  in terms of  $q$

$\tan \theta$  dalam sebutan  $q$

[3 marks / 3 markah]

17 Solve the equation  $3 \cot x = 2 \sin x$  for  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ .

Selesaikan persamaan  $3 \cot x = 2 \sin x$  untuk  $0^\circ \leq x \leq 360^\circ$ .

[4 marks / 4 markah]

18 Diagram 3 shows a sector  $ROS$  with centre  $O$ . Given  $OR = 2r$ , the length of arc  $RS$  is  $r$  cm and the area of sector  $ROS$  is  $100 \text{ cm}^2$ .

Rajah 3 menunjukkan sektor  $ROS$  dengan pusat  $O$ . Diberi  $OR = 2r$ , panjang lengkok  $RS$  ialah  $r$  cm dan luas sektor  $ROS$  ialah  $100 \text{ cm}^2$ .




Diagram 3  
Rajah 3

Find the value of  $\theta$  and  $r$ .

Cari nilai  $\theta$  dan  $r$ .

[4 marks / 4 markah]

19 Given that  $\frac{d}{dx} \left( \frac{x^2}{x+5} \right) = h(x)$  find the value of  $\int_0^2 [x^2 + h(x)] dx$ .

Diberi  $\frac{d}{dx} \left( \frac{x^2}{x+5} \right) = h(x)$ , cari nilai  $\int_0^2 [x^2 + h(x)] dx$ .

[3 marks / 3 markah]

20 Given  $\int (5x^2 + 4x - 8) dx = px^3 + qx^2 - 8x + c$ , where  $p, q$  and  $c$  are constants. Find

Diberi  $\int (5x^2 + 4x - 8) dx = px^3 + qx^2 - 8x + c$ , di mana  $p, q$  dan  $c$  adalah pemalar. Cari

(a) the values of  $p$  and  $q$ .

nilai bagi  $p$  dan  $q$ ,

(b) the value of  $c$  if  $\int (5x^2 + 4x - 8) dx = 10$  when  $x = 2$ .

nilai bagi  $c$  jika  $\int (5x^2 + 4x - 8) dx = 10$  bila  $x = 2$ .

[3 marks / 3 markah]

21 The radius of sphere is increasing at the rate of  $0.05 \text{ cms}^{-1}$ . Find the rate at which the volume of the sphere is increasing when its radius is 10 cm. Give the answer in term of  $\pi$ .

Jejari sebuah sfera bertambah pada kadar  $0.05 \text{ cms}^{-1}$ . Cari kadar pertambahan isi padu sfera itu pada ketika jejarinya ialah 10 cm. Beri jawapan dalam sebutan  $\pi$ .

[3 marks / 3 markah]

22 A set of six positive numbers 8, 12,  $m$ , 5, 7, 4 has mean of 7.

Satu set nombor yang terdiri daripada enam nombor positif 8, 12,  $m$ , 5, 7, 4 mempunyai min 7.

Find

Cari

(a)  $m$ ,

(b) the variance.

varians.

[4 marks / 4 markah]

23 A committee which consists of 4 men and 2 women are to be formed from 6 men and 5 women. One of the women is Nancy. Find

Suatu jawatankuasa terdiri daripada 4 lelaki dan 2 orang wanita hendak dibentuk daripada 6 orang lelaki dan 5 orang wanita. Seorang daripada wanita itu ialah Nancy. Cari

(a) the number of ways the committee can be formed if Nancy must be chosen,

bilangan cara jawatankuasa itu dapat dibentuk jika Nancy mesti dipilih,

(b) the number of ways the committee can be formed if there is no condition that Nancy must be chosen.

bilangan cara jawatankuasa itu dapat dibentuk jika tiada syarat bahawa Nancy mesti dipilih.

[4 marks / 4 markah]

24 The probability that a student fails in Mathematics test is 0.15. Four students are randomly chosen, find

Kebarangkalian bahawa seorang pelajar gagal dalam ujian Matematik ialah 0.15. Empat orang pelajar dipilih secara rawak, cari

(a) the probability that all of them fail,

kebarangkalian bahawa semua pelajar gagal,

(b) the probability none of them fail.

kebarangkalian tiada seorang pun yang gagal.

[4 marks / 4 markah]

25 The mass of items produced by factory ABC is normally distributed with a mean of 42 g and a standard deviation of 8 g. Find

Jisim barangan yang dikeluarkan oleh kilang ABC bertaburan secara normal dengan min 42 g dan sisihan piawai 8 g. Cari

(a) the  $z$ -score when the mass is 45.3 g,

skor-z apabila jisim ialah 45.3 g,

(b) the value of  $h$  when  $P(Z > h) = 0.8438$ .

nilai bagi  $h$  apabila  $P(Z > h) = 0.8438$ .

[4 marks / 4 markah]

## Sejarah (Kertas 1)

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN


(Masa: 1 jam)

- Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
- Jawab semua soalan.
- Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kepercayaan *politisme*?

- A Penyembahan banyak tuhan
- B Kehidupan semula selepas mati
- C Kepercayaan kepada kuasa ghaib
- D Pemujaan roh nenek moyang

2. Maklumat di bawah merujuk kepada perubahan cara penyimpanan khazanah masyarakat tamadun Mesir Purba.



Perubahan tersebut berlaku disebabkan

- A hasil ilham Imhotep
  - B kemajuan pendidikan
  - C adanya pokok papyrus
  - D penghasilan hasil karya
3. Apakah persamaan bandar Harappa dan Mohenjo-Daro dalam tamadun Indus?
- A Dijadikan bandar diraja
  - B Dibina secara terancang
  - C Diterajui golongan bangsawan
  - D Dimajukan oleh orang Aryan
4. Bagaimanakah Chandragupta Maurya dalam tamadun India melaksanakan dasar perluasan empayar Maurya?
- A Mengukuhkan perpaduan rakyat
  - B Mengadakan perjanjian damai
  - C Menyatukan kerajaan-kerajaan kecil
  - D Melantik wakil pemerintah di kawasan taklukan
5. Mengapakah pendidikan di Athens dalam tamadun Yunani memberi penekanan kepada bidang sukan, seni berpidato dan kesusasteraan?
- A Menanam sikap keberanian
  - B Melatih pemimpin berwibawa
  - C Melahirkan individu seimbang
  - D Mengukuhkan semangat patriotisme
6. Apakah kesan pembinaan sistem pengairan kerajaan Angkor semasa pemerintahan Raja Indravarman I?
- A Memenuhi keperluan beras negara
  - B Mempertingkatkan kegiatan penternakan
  - C Memajukan sistem tanaman bergilir
  - D Menyediakan kemudahan pengangkutan
7. Maklumat berikut menunjukkan inskripsi Telaga Batu yang terdapat di Palembang pada zaman Srivijaya.



Prasasti (inskripsi) Telaga Batu di Palembang

Gambar 1

Mengapakah seseorang yang dilantik menjadi *datu* dikehendaki mengikuti upacara angkat sumpah di tempat tersebut?

- A Membuktikan ketaatan kepada raja
- B Mempercayai kesaktian Telaga Batu
- C Mengukuhkan kedudukan seseorang raja
- D Menunjukkan persetujuan mengikut arahan Brahmin

8. Maklumat berikut menunjukkan pembahagian golongan masyarakat Arab Jahiliah

- ⊙ Hadari
- ⊙ Badwi

Masyarakat tersebut berbeza dari aspek

- A fahaman politik
- B tahap pendidikan
- C lokasi petempatan
- D taraf sosioekonomi

9. Maklumat berikut berkaitan dengan surah al-Alaq.

Pada 6 Ogos tahun 610 M, bersamaan 17 Ramadan, Allah telah menurunkan wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW menerusi Jibrail

Apakah implikasi turunnya wahyu tersebut?

- A Pengakhiran zaman Jahiliah
- B Penyebaran dakwah Islamiah secara terbuka
- C Penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah
- D Pengisytiharan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah

10.

Perjanjian Aqabah Kedua	
Tahun	622 Masihi
Tempat	Bukit Aqabah
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Nabi Muhammad SAW</li> <li>▪ Wakil puak Aus dan Khazraj</li> </ul>

Apakah kesan perjanjian di atas?

- A Berakhirnya zaman Jahiliah di Madinah
- B Berakhirnya penentangan puak Quraisy Makkah
- C Berlakunya penyebaran Islam secara terbuka
- D Berlakunya peristiwa penghijrahan umat Islam

11. Apakah tujuan peperangan yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam?

- A Membalas dendam
- B Meluaskan kuasa dan empayar
- C Mempertahankan maruah agama
- D Mengukuhkan kedudukan ekonomi dan sosial

12. Mengapakah proses syura dan baiah amat penting dalam proses pelantikan khalifah?

- A Menjamin bakal pentadbir yang berkeelayakan
- B Memberi keyakinan kepada bakal pentadbir
- C Memuaskan hati golongan pentadbir
- D Memberi peluang kepada rakyat memilih pentadbir

13. Apakah tujuan sistem hijabah diperkenalkan oleh khalifah Muawiyah semasa pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah?

- A Menstabilkan keadaan politik
- B Menjamin keselamatan pemimpin
- C Menjaga perbandharaan negara
- D Memperkukuhkan pertahanan negara

14. Maklumat berikut mengenai tokoh sejarawan Barat.

- ⊙ John Crawford
- ⊙ Snouck Hurgronje
- ⊙ Emanuel Gadinho Eredia



Dari 56

Apakah persamaan sumbangan mereka?

- A Menterjemahkan karya falsafah Islam
- B Membukukan sastera Islam
- C Mengemukakan teori kedatangan Islam
- D Melakukan kajian perkembangan Islam

15 Maklumat di bawah merujuk pengaruh Islam di Asia Tenggara.

- ⊙ Pesantren
- ⊙ Dayah

Institusi tersebut merujuk kepada pusat

- A penterjemahan
- B perdagangan
- C pentadbiran
- D pendidikan

16 Maklumat di bawah menggambarkan Melaka menjadi tumpuan para ulama pada abad ke-15.

Ulama-ulama terdiri daripada pelbagai bangsa datang ke Melaka

Mengapakah berlakunya situasi demikian?

- A Tawaran jawatan dalam kerajaan
- B Kewujudan banyak pusat pengajian
- C Penubuhan institusi penterjemahan agama
- D Kesungguhan pemerintah terhadap ilmu pengetahuan

17 Maklumat di bawah merujuk kepada jawatan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15.

Jawatan X
⊙ Pentadbir pelabuhan
⊙ Menentukan kemajuan perdagangan

Jawatan tersebut merujuk kepada

- A Temenggung
- B Laksamana
- C Syahbandar
- D Penghulu Bendahari

18 Mengapakah gerakan Reformation dapat berkembang dengan pesat di Jerman pada abad ke-16?

- A Penciptaan mesin cetak
- B Campur tangan Paus
- C Galakan raja
- D Perkembangan perdagangan

19 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Akta Kilang 1833 yang telah digubal bagi melindungi kepentingan pekerja di Britain?

- A Penggunaan mesin ditegah
- B Pengambilan buruh mahir ditingkatkan
- C Melarang wanita bekerja di lombong arang batu
- D Melarang kanak-kanak bawah sembilan tahun bekerja

20 Maklumat berikut merujuk kepada perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
1922	Rancangan Sekatan Stevenson

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Mengagihkan benih
- B Mengawal kejatuhan harga
- C Mengatasi masalah tenaga buruh
- D Memperkenalkan cara penorehan

21 Mengapakah pelombong Eropah mampu bersaing dengan pelombong Cina dalam sektor perlombongan bijih timah pada abad ke-20 di Tanah Melayu?

- A Kemampuan modal
- B Tenaga buruh ramai
- C Kemudahan pelabuhan
- D Sokongan pembesar

22 Maklumat berikut menunjukkan kekayaan bahan mentah yang terdapat di Asia Tenggara pada awal abad ke-18.

Negara	Sumber utama
Tanah Melayu	Bijih timah
Filipina	Tebu dan kelapa

Apakah kesan kekayaan hasil tersebut kepada negara terlibat?

- A Berlaku Revolusi Pertanian
- B Sasaran kuasa imperialis
- C Perebutan kuasa pembesar
- D Bermulanya perdagangan antarabangsa

23 Apakah faktor yang membawa kepada berlakunya gerakan nasionalisme di Thailand pada tahap pertama?

- I Penguasaan politik oleh kerabat diraja
- II Jawatan tinggi dikuasai pegawai Barat
- III Pertambahan kemasukan imigran
- IV Raja berkuasa mutlak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Apakah persamaan mesej yang ingin disampaikan melalui novel-novel di bawah?

Pengarang	Novel
Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako)	Anak Mat Lela Gila
	Putera Gunung Tahan

- A Menjaga maruah bangsa
- B Kebebasan wanita
- C Kedudukan agama Islam
- D Memartabatkan bahasa Melayu

25 Apakah tujuan Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Tanah Melayu membeli akhbar *Warta Malaya*?

- A Alat mengkritik raja-raja
- B Menyampaikan berita
- C Menyebarkan idea
- D Alat propaganda

26 Maklumat berikut berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan ke-18.

- ⊙ Revolusi Inggeris 1688
- ⊙ Revolusi Perancis 1789

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pemantapan kuasa gereja
- B Pembentukan empayar
- C Pengagihan kuasa pusat
- D Pembinaan negara bangsa moden

27 Apakah ciri keistimewaan pembentukan kerajaan Islam di Madinah berbanding proses pembentukan negara bangsa di Eropah?

- A Dijayakan oleh khalifah
- B Penyatuan melalui prinsip Islam
- C Hanya memberi tumpuan kepada umat Islam
- D Menolak segala fahaman yang berunsur Barat

28 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu?

- A Pelaksanaan sistem penasihat
- B Penubuhan Majlis Raja-Raja
- C Penyelarasan sistem pewarisan takhta
- D Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan

**Sejarah (Kertas 1)**

→ Dari S7

29 Mengapakah penyerahan Sarawak oleh Charles Vyner Brooke kepada British pada tahun 1946 tidak dipersetujui oleh penduduk Sarawak?

- A Bercanggah dengan Perlembagaan 1941
- B Bertentangan adat tradisi pribumi
- C Mengugut pembesar bagi mendapat persetujuan
- D Menghapus hak istimewa rakyat tempatan

30 Apakah langkah-langkah Dato' Onn Ja'afar untuk melaksanakan Pakatan Murni di Tanah Melayu?

- I Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum
- II Membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu
- III Menubuh Parti Kemerdekaan Malaya
- IV Mengubah perlembagaan UMNO

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Merujuk maklumat berikut, apakah keputusan yang telah dicapai dalam rundingan itu?

Rundingan kemerdekaan Tanah Melayu telah berlangsung di London dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956

- A Menetapkan syarat kemerdekaan
- B Menentukan tempat pengisytiharan
- C Memutuskan corak pemerintahan negara
- D Membentuk suruhanjaya menggubal perlembagaan

32 Maklumat di bawah menunjukkan tokoh yang terlibat dalam proses kemerdekaan Tanah Melayu.

- Ⓐ Lord Reid
- Ⓑ Sir Ivor Jennings
- Ⓒ Tuan B. Malik

Apakah sumbangan mereka?

- A Merundingkan kemerdekaan
- B Menggubal perlembagaan
- C Melaksanakan pilihan raya
- D Menubuhkan Persidangan Kebangsaan

33 Maklumat berikut merujuk kepada penubuhan parti politik di Sabah.

Tahun	Peristiwa
1961	Parti UNKO, USNO, Parti Pasok Momogun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik membentuk Parti Perikatan Sabah

Apakah kesan penubuhan parti tersebut?

- A Menamatkan penguasaan pembesar tempatan
- B Meneruskan sistem politik tradisional
- C Merealisasikan pembentukan Malaysia
- D Menjayakan pengasasan Persekutuan Borneo

34 Maklumat berikut adalah dua daripada cadangan ke arah pembentukan Malaysia.

Tokoh	Penggabungan
Lord Brassey	Sarawak dan Sabah (Borneo Utara), Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat
Sir Malcolm MacDonald	Sarawak, Sabah, Brunei, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu

Apakah tujuan penggabungan tersebut?

- A Menjamin kedudukan politik yang kukuh
- B Memudahkan urusan perdagangan
- C Membentuk perpaduan kaum
- D Mengatasi masalah kemiskinan penduduk

35 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan ahli Dewan Negara di Malaysia?

- A Dipilih melalui pilihan raya
- B Berumur 21 tahun ke atas
- C Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
- D Menyandang jawatan selama lima tahun

36 Mengapakah kerakyatan seseorang warganegara boleh dilucut mengikut Perlembagaan negara?

- A Mengunjungi luar negara melebihi lima tahun
- B Mempunyai kerakyatan negara lain
- C Menetap di negara lain
- D Menjatuhkan imej negara

37 Pencapaian Rancangan Malaya Pertama kurang memberangsangkan. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- I Kekurangan kepakaran
- II Meletusnya Perang Dunia Kedua
- III Ancaman komunis semasa darurat
- IV Kejatuhan harga getah dan bijih timah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38 Mengapakan pakatan berikut diwujudkan di Eropah?

Perang Dunia Pertama	
Pakatan Bertiga	Perikatan Kuasa Tengah

- A Memupuk perpaduan dunia
- B Mengajukan rundingan damai
- C Menyekat pengaruh komunis
- D Memulakan persaingan kuasa

39 Tujuan Rancangan Colombo yang diadakan oleh pertubuhan Komanwel adalah untuk

- A meningkatkan pembangunan ekonomi serantau
- B menyediakan bantuan biasiswa pendidikan
- C mengekalkan keamanan negara anggota
- D mempergiatkan hubungan perdagangan

40 Peristiwa berikut berlaku semasa Perang Dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 dan 8 Ogos 1945	Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki

Amerika Syarikat mengambil tindakan sedemikian kerana

- A mengelakkan perang berpanjangan
- B mengingkari Perjanjian Versailles
- C menguji kekuatan senjata
- D mengatasi masalah kemelesetan ekonomi

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**





UJIAN PERCUBAAN

[Masa: 2 jam 30 minit]


- Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
- Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.

**Bahagian A**

Jawab semua soalan.

[40 markah]

- Rajah berikut berkaitan pengaruh Islam di Asia Tenggara.



Rajah 1

- Apakah pengaruh Islam dalam bidang politik?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[2 markah]

- Jelaskan pengaruh Islam dalam bidang ekonomi.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

- Banyak kejayaan yang telah dicapai oleh negara kita sehingga mendapat pengiktirafan dunia sebagai model negara Islam. Buktikan.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

- Garis masa berikut menerangkan perubahan yang berlaku di Eropah. Perubahan tersebut menjadi titik tolak kepada kemunculan Eropah sebagai kuasa besar dunia.

476 M	1050 M	1300 M	1600 M	1725 M
Zaman Gelap	Zaman Peralihan	Zaman Renaissance • Reformation • Penjelajahan dan penerokaan	Revolusi Pertanian	Revolusi Perindustrian

- Apakah maksud Zaman Gelap?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[2 markah]

- Senaraikan ciri-ciri masyarakat Eropah pada Zaman Gelap.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[2 markah]

- Bagaimanakah masyarakat Eropah berjaya keluar daripada Zaman Gelap?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[2 markah]

- Apakah kejayaan masyarakat Eropah yang boleh dicontohi untuk kemajuan bangsa dan negara Malaysia?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

- Maklumat berikut berkaitan dengan warisan pentadbiran di negeri-negeri Melayu.

- Sistem Jemaah Menteri Kelantan
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu

- Senaraikan dua jawatan dalam Sistem Jemaah Menteri Kelantan.

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

[2 markah]

- Jelaskan ciri-ciri Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

- Apakah kepentingan pengenalan Sistem Jemaah Menteri Kelantan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu?

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

[4 markah]

# UJIAN PERCUBAAN

→ Dari 59

4 Maklumat berikut berkenaan tokoh yang terlibat dalam pembinaan negara dan bangsa.

Tokoh	Negara
Count Camillo Benso de Cavour	Itali
Otto Eduard von Bismarck	Jerman
Nabi Muhammad SAW	Madinah

(a) Berikan **dua** faktor yang menyebabkan terbentuknya negara bangsa moden di Eropah pada penghujung abad ke-19.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

(b) Jelaskan usaha yang dilakukan oleh Count Camilio Benso de Cavour dan Otto Eduard von Bismarck untuk membentuk negara bangsa masing-masing.

\_\_\_\_\_

[2 markah]

(c) Mengapakah usaha untuk membentuk negara bangsa dalam soalan 1 (b) boleh menggugat keharmonian dunia?

\_\_\_\_\_

[2 markah]

(d) Pembentukan negara Islam Madinah berbeza dengan pembentukan negara bangsa moden di Eropah. Beri penjelasan anda.

\_\_\_\_\_

[4 markah]

## Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5 Peta berikut menunjukkan tamadun yang banyak menyumbang kepada peningkatan pencapaian kehidupan manusia dalam pelbagai aspek.



(a) Terangkan sumbangan tamadun tersebut dalam aspek berikut:


(i) Pentadbiran [4 markah]

(ii) Perundangan [4 markah]

(b) Apakah keistimewaan pendidikan dalam tamadun tersebut yang boleh dimanfaatkan untuk menjadikan negara kita sebagai hab pendidikan dunia? [6 markah]

(c) Jelaskan kepentingan sains dan teknologi dalam memajukan negara dan bangsa Malaysia. [6 markah]

6 Rajah 2 berkaitan pembentukan kerajaan Islam pertama di dunia.




Rajah 2

(a) Jelaskan kepentingan Piagam Madinah. [6 markah]

(b) Terangkan keunggulan kandungan Perlembagaan Madinah yang menjadi rujukan negara-negara di dunia. [6 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri masyarakat Madinah yang boleh dicontohi oleh rakyat Malaysia bagi menjamin keharmonian dalam negara? [8 markah]

7 Rajah 3 menerangkan dasar ekonomi British di Tanah Melayu.



Rajah 3

(a) Jelaskan sistem pentadbiran tanah yang diperkenalkan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. [6 markah]

(b) Apakah kesan dasar ekonomi British terhadap negara sebelum Perang Dunia Kedua? [8 markah]

(c) Bagaimanakah negara kita menghadapi cabaran k-ekonomi dalam era globalisasi pada masa ini? [6 markah]



Dari 510

8 Tokoh-tokoh berikut terlibat dalam menggerakkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.



Sheikh Tahir Jalaluddin  
Pelopor Gerakan Islah



Abdul Rahim Kajai  
Wartawan akhbar



Ibrahim Haji Yaakob  
Pemimpin Kesatuan  
Melayu Muda

- (a) Jelaskan gerakan nasionalisme yang melibatkan tokoh-tokoh tersebut. [8 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri nasionalisme yang perlu anda amalkan sebagai warganegara yang patriotik. [6 markah]
- (c) Sebagai pemimpin generasi masa depan, berikan cadangan anda agar kedaulatan negara dapat dikekalkan. [6 markah]

9 Gambar berikut berkaitan pembentukan Malaysia.



Cadangan gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961



Pengisytiharan Hari Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 16 September 1963

- (a) Terangkan faktor pembentukan Persekutuan Malaysia. [8 markah]
- (b) Usaha merealisasikan pembentukan Malaysia dibuat melalui beberapa langkah. Buktikan kejayaan langkah-langkah tersebut. [6 markah]

(c) Dalam usaha Malaysia mencapai tahap negara maju, apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh negara bagi melahirkan generasi berminda kelas pertama? [6 markah]

10 Petikan berikut menerangkan kepentingan membentuk perpaduan kaum di negara kita.

"Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncang dunia. Demikianlah kesannya perpaduan."

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad  
Mantan Perdana Menteri Malaysia Keempat

- (a) Jelaskan usaha memupuk perpaduan kaum bagi menjamin keharmonian negara. [6 markah]
- (b) Apakah kejayaan Rukun Negara dalam merealisasikan perpaduan kaum di negara kita? [6 markah]
- (c) (i) Jelaskan cabaran yang perlu diatasi untuk merealisasikan cita-cita Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020. [4 markah]
- (ii) Apakah peranan anda sebagai generasi muda ke arah mencapai Malaysia negara maju menjelang tahun 2020? [4 markah] +
- 11 Dasar luar Malaysia bersifat dinamik dan berkembang dengan mengambil kira perubahan kepimpinan serta keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah.
- (a) Terangkan faktor yang menjadi asas penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]
- (b) Jelaskan langkah yang perlu diambil oleh negara kita bagi mengekalkan hubungan baik pada peringkat antarabangsa. [6 markah]
- (c) Dasar luar yang diamalkan sejak negara merdeka hingga kini telah berjaya meletakkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati. Buktikan. [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

**SAINS**

→ Kertas 1

1 D	11 B	21 A	31 D	41 A
2 B	12 B	22 D	32 C	42 D
3 C	13 C	23 D	33 D	43 C
4 A	14 B	24 C	34 C	44 C
5 C	15 D	25 A	35 C	45 C
6 C	16 B	26 A	36 D	46 D
7 A	17 C	27 D	37 D	47 D
8 B	18 D	28 D	38 A	48 D
9 D	19 D	29 A	39 B	49 C
10 D	20 A	30 C	40 B	50 A


→ Kertas 2

Bahagian A

1 (a)

Panjang daun (cm)	4-6	7-9	10-12	13-15	16-18	19-21	22-24
Bilangan daun	3	4	6	7	3	6	3

(b)



(c) Variasi selanjur

2 (a)

Jenis cakera antibiotik	Cakera antibiotik X			Cakera antibiotik Y		
	1	2	3	1	2	3
Diameter kawasan jernih / cm	1.2	1.3	1.4	0.4	0.6	0.5
Purata diameter kawasan jernih / cm	1.3			0.5		

(b) (i) Kepekatan antibiotik  
(ii) Luas kawasan jernih

(c) X

(d) Antibiotik ialah bahan yang menghasilkan kawasan jernih pada permukaan agar-agar nutrien.


3 (a) \*\*bergantung pada saiz gambar (rujuk kepada guru)

(b) R

(c) (i) Kawasan sampel air diambil  
(ii) Ketinggian enapan

4 (a) Semakin bertambah kelajuan air, semakin berkurang tekanan

(b)



(c) (i) X  
(ii) Y

(d) Penyembur aerosol

Bahagian B

5 (a) K: Serebrum  
L: Medula oblongata

(b) A: Lumpuh  
B: Buta

(c) (i) Kelenjar induk  
(ii) Mengawal pertumbuhan

6 (a) P: Meiosis  
R: Persenyawaan

(b) S: Keriting  
V: Lurus

(c) 1:1

(d) 0%

7 (a) J: Alfa  
K: Beta  
L: Gama

(b) (i) Gama  
(ii) Mensterilkan mikroorganisma yang terdapat pada makanan tersebut

(c) Memakai pakaian perlindungan khas

8 (a) Larva

(b) Membawa patogen

(c) Badan berbelang

(d) Malaria

(e) 1. Hapuskan kawasan air bertakung  
2. Meletakkan ubat jentik-jentik di dalam bekas takungan air

9 (a) Pengikatan nitrogen

(b) Bakteria pengikat nitrogen

(c) Menukarkan nitrogen kepada nitrat

(d) Bakteria pendenitritan



Dari S12

- (e) Menukarkan nitrat kepada nitrogen di udara
- (f) Ammonium nitrat

**Bahagian C**

10 (a) Pertumbuhan mikroorganisma lebih baik dalam keadaan lembap berbanding keadaan kering

- (b) (i) Tujuan eksperimen  
Untuk mengkaji pertumbuhan bakteria dalam keadaan lembap dan kering

- (ii) Pemboleh ubah
  - Dimanipulasikan: Kelembapan agar-agar nutrien
  - Bergerak balas: Pertumbuhan bakteria
  - Dimalarkan: Kuantiti bakteria

- (iii) Senarai radas dan bahan  
Dua piring petri, agar-agar nutrien, kultur bakteria dan air suling

- (iv) Prosedur
  1. Isikan piring petri A dan B dengan agar-agar nutrien dan kultur bakteria.
  2. Isikan piring petri B dengan air suling.
  3. Biarkan kedua-dua piring petri A dan B secara terbalik selama 3 hari.
  4. Rekod pertumbuhan bakteria selepas 3 hari.

(v) Penjadualan data

Kelembapan agar-agar nutrien	Pertumbuhan bakteria
Kering	
Lembap	

11 (a)

Mitosis	Ciri	Meiosis
Dua	Sel anak yang dihasilkan	Empat
Satu	Bilangan pembahagian	Dua
Tidak berlaku	Pindah silang	Berlaku
Sama	Bilangan kromosom sel anak berbanding sel induk	Separuh

- (b) (i) Ciri sepunya
  - Perbezaan yang jelas dan ketara
  - Perbezaan yang tetap
- (ii) Contoh lain variasi tak selanjat: Jantina
- (iii) Bukan contoh variasi tak selanjat dan nyatakan sebab
  - Berat badan
  - Sebab: Perbezaan yang tidak tetap
- (iv) Konsep sebenar variasi tak selanjat  
Variasi tak selanjat ialah variasi yang mempunyai perbezaan yang jelas, ketara dan tetap.

12 (a)

Sisa buangan yang dihasilkan oleh pembakaran bahan api fosil	Kesan
Karbon dioksida	Pemanasan global / Kesan rumah hijau
Sulfur dioksida / Nitrogen dioksida	Hujan asid

- (b) • Masalah: Gas-gas yang beracun dan berbahaya kepada manusia dibebaskan oleh kilang
- Penjelasan masalah: Gas-gas beracun dan berbahaya terhasil akibat pembakaran bahan api fosil oleh kilang tersebut
- Kaedah penyelesaian:
  1. Memasang penapis pada cerobong asap kilang untuk menapis asap-asap yang berbahaya sebelum dilepaskan ke udara.
  2. Menyediakan sistem pembersihan udara yang baik bagi memastikan gas-gas berasid dineutralkan sebelum dibebaskan ke udara.
  3. Menggunakan tenaga alternatif seperti tenaga solar atau tenaga elektrik bagi menggantikan bahan api fosil sebagai sumber tenaga.
- Kaedah terbaik dan penjelasan:  
Kaedah terbaik adalah menggunakan tenaga alternatif seperti tenaga solar atau tenaga elektrik bagi menggantikan bahan api fosil sebagai sumber tenaga untuk mengatasi masalah pembebasan gas-gas beracun dan berbahaya.

**PENDIDIKAN ISLAM**

↳ Kertas 1

**BAHAGIAN A**

- 1 B      5 D      9 C      13 B      17 D
- 2 B      6 A      10 C      14 C      18 D
- 3 A      7 B      11 B      15 A      19 D
- 4 B      8 D      12 A      16 C      20 B

- 21 Ajaran sesat / Bidaah Dholalah
- 22 Sebat seratus kali
- 23 Ali bin Abi Talib
- 24 Ahli Sunah Waljamaah
- 25 Zul Hulaifah
- 26 Sai
- 27 Mari' / Marik
- 28 Halkum
- 29 Gharar
- 30 Judi
- 31 Shubhah / Ragu / Syak

- 32 Islah
- 33 Baghdad
- 34 Al-Umm
- 35 Abdul Rahman bin Muhammad
- 36 Perubatan
- 37 Jihad memperbaiki diri
- 38 Zat
- 39 Wahyu / al-Quran / Hadis
- 40 Ihsan

**Bahagian B**

- 1 (a) (i) Kembali semula taat kepada Allah setelah menyesal melanggar perintah dan larangan-Nya.
- (ii) Syarat-syarat taubat;
  - Berhenti melakukan maksiat dengan segera
  - Menyesal terhadap maksiat yang telah dilakukan
  - Berazam tidak mengulangi lagi maksiat
  - Memohon maaf jika berkaitan dengan hak orang lain
- (iii) • Membentuk peribadi dan akhlak mulia  
• Meningkatkan amalan soleh  
• Menghindarkan dirinya daripada perbuatan maksiat

- (b) (i) Maksud khurafat kepercayaan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan agama Islam tetapi sebaliknya bertentangan dengan akidah Islam.
- (ii) Faktor perbuatan khurafat masih diamalkan;
  - Iman yang kurang mantap menyebabkan sukar membezakan antara amalan benar dengan khurafat
  - Terpengaruh dengan masyarakat yang biasa mengamalkan amalan khurafat
  - Terdapat tempat-tempat pemujaan yang boleh membawa amalan khurafat
  - Kurang prihatin dalam kalangan masyarakat membanteras amalan khurafat
  - Ingin mencari jalan mudah untuk menjadi kaya dan terkenal
- (c) Pendapat saya, terdapat segelintir umat Islam dalam masyarakat sekarang tidak mempunyai pegangan iman yang kuat. Hal ini kerana mereka tidak mendalami pendidikan berkaitan Islam yang secukupnya di samping lebih mementingkan hal-hal duniawi semata-mata. Oleh sebab itu, orang yang cetek ilmu agama akan mudah terpengaruh dengan ajaran sesat dan budaya yang bertentangan dengan Islam.
- 2 (a) (i) Maksud hutang ialah memberikan sesuatu barang atau manfaatnya kepada seseorang / dan perlu membayar mengembalikan barang tersebut dengan jumlah yang sama.

## Dari S13

- (ii) Rukun hutang;
- Penerima dan pemberi hutang
  - Barang yang diberi hutang ialah milik pemberi hutang
  - Sighah (akad pemberian hutang)
- (iii) Hikmat diharuskan berhutang;
- Membantu golongan yang susah
  - Memberi peluang orang miskin
  - Membaiki taraf ekonomi mereka
  - Mengelak daripada sikap malas dan suka meminta-minta
  - Menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.
- (b) (i) Tanggungjawab ibu bapa terhadap bayi yang baru dilahirkan;
- Azan dan iqamat di telinga bayi
  - Mentahnik
  - Menamakan bayi dengan nama yang baik
  - Mencukur rambut dan memberi sedekah
  - Melakukan akikah
- (ii) Akibat ibu bapa tidak melaksanakan tanggungjawab;
- Mendapat balasan azab di akhirat
  - Anak-anak akan membesar dalam kejahilan
  - Lahir anak-anak yang bermasalah kepada keluarga dan negara
  - Menyebabkan anak menjadi liar
  - Anak akan rosak akhlak
  - Anak tidak bertanggungjawab
- (c) (i) Beriman serta bertakwa kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW
- (ii) • Rumah tangga akan bahagia dan aman
- Anak-anak akan mendapat didikan agama dengan sempurna
- 3 (a) (i) • Diwan al-Jund
- Diwan al-Kharaj
- (ii) • Memerangi golongan murtad
- Memerangi nabi palsu
- (b) (i) Maksud berniaga ialah berdagang atau menjual beli atau pertukaran harta dengan harta berdasarkan syarat-syarat tertentu.
- (ii) Maksud amanah dalam berniaga dan contoh; Maksud;
- Penjual dan pembeli bersikap jujur dan tidak menipu dalam perniagaan
- Contoh;
- Seorang penjual tidak boleh mencampurkan buah yang busuk dan buah yang baik.
  - Seorang penjual tidak boleh menjual dengan harga yang terlalu mahal / tinggi.
- (iii) Tujuan mengamalkan adab berniaga
- Untuk memastikan perniagaan dapat berjalan dengan baik
  - Tidak timbul sebarang penipuan
  - Tidak timbul sebarang perbalahan antara penjual dengan pembeli
- (c) (i) Pengasas kerajaan Abbasiyah;
- Abu Abbas Abdullah as-Safah
- (ii) Usaha kerajaan bani Abbasiyah memajukan sektor pertanian;
- Membina saluran
  - Membuat empangan

- Melebarakan sungai dan terusan
- Membuka tanah pertanian baharu
- Membuat penyelidikan dalam bidang pertanian

- (iii) Faktor utama kejatuhan kerajaan Abbasiyah;
- Kelemahan pemerintahan kerajaan Abbasiyah
  - Perpecahan wilayah-wilayah baharu
  - Perebutan kuasa
  - Kegawatan ekonomi
  - Perselisihan aliran fahaman keagamaan
  - Serangan dari luar

- 4 (a) (i) Perkara yang perlu diberi perhatian ketika menjaga orang sakit;
- Aspek rohani
  - Aspek emosi
  - Aspek fizikal

- (ii) Adab terhadap pesakit;
- Menambahkan kekuatan kepada pesakit untuk terus hidup
  - Memberikan motivasi kepada pesakit untuk terus tabah menghadapi ujian
  - Supaya meringankan beban dan kesakitan yang ditanggung oleh pesakit

- (iii) Hikmah Islam menyuruh kita menjaga orang sakit;
- Mewujudkan silaturahim sesama Islam
  - Meringankan penderitaan yang dialami
  - Meningkatkan syiar agama Islam

- (b) (i) Riwayat hidup Syeikh Tahir Jalaluddin;
- Namanya Muhammad Tahir bin Sheikh Muhammad bin Ahmad Jalaluddin
  - Dilahirkan pada 7 November 1869 di Ampek
  - Menjadi guru di Madrasah al-Mashoor Pulau Pinang
  - Pernah belajar di Mekah
  - Meninggal dunia pada 26 Oktober 1956 di Perak

- (ii) Metod yang digunakan untuk menyampaikan idea;
- (i) Melalui penerbitan akhbar
- Melalui jawatan-jawatan yang disandang
  - Melalui proses pengajaran

- (iii) Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin dalam bidang ilmu dan pemikiran;
- Membebaskan masyarakat Melayu daripada sebarang sebarang unsur penjajahan unsur fizikal dan pemikiran
  - Menubuhkan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyah, al-Madrasatu al-Adabiyah, Madrasah al-Hadi, Madrasah al-Masyhur
  - Penggiat sastera sehingga terserlah penulisannya dalam *Majalah al-Imam*

- (c) (i) Kawasan tertentu didiami oleh masyarakat tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan

- (ii) • Menjaga nama baik negara
- Memelihara keamanan negara

## → Kertas 2

- 1 (a) (i) Dua Asma Ul-Husna yang terdapat di dalam ayat; Al-Hakim, Al-Mutakabbir, Al-Malik, Al-Qudus, Al-Jabbar, Al-Aziz, Al-Salam, Al-Muhaimin, Al-Mukmin, Al-Khaliq, Al-Bari'u, Al-Musawir

- (ii) Dua keistimewaan al-Quran;
1. Mukjizat agung kepada Rasulullah SAW
  2. Kandungan al-Quran lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti akhlak, ekonomi, sosial dan politik
  3. Ajarannya sesuai dilaksanakan untuk semua bangsa, di semua tempat dan pada bila-bila masa
  4. Terpelihara daripada sebarang perubahan dan penyelewengan hingga hari kiamat
  5. Tidak ada makhluk yang dapat menandingi keindahan bahasanya
  6. Membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat
  7. Setiap huruf yang dibaca dikira ibadah dan diberi pahala

- (iii) Dua cara anda menghayati al-Quran;
1. Istiqamah dalam membaca al-Quran
  2. Memahami dan mengamalkan kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian
  3. Sentiasa mempelajari dan mendalami isi kandungan al-Quran
  4. Membaca al-Quran dengan bertajwid dan bertarannum

- (b) (i) Dua ciri makanan yang baik;
1. Makanan yang berkhasiat
  2. Makanan yang seimbang
  3. Makanan yang bersih
  4. Makanan yang halal
  5. Makanan yang suci
  6. Makanan yang baik
  7. Makanan yang berzat
  8. Tidak memudaratkan anggota badan / akal

- (ii) Syarat yang mengharuskan seseorang makan makanan yang haram ketika darurat;
1. Hanya terdapat makanan atau minuman yang haram sahaja / tiada makanan halal
  2. Makanan atau minuman sekadar menyelamatkan agama / supaya tidak mati / untuk hidup / menyambung nyawa
  3. Makan atau minum bukan untuk mengenyangkan / sekadar alas perut sahaja / makan sedikit sahaja

- (iii) Dua hikmah diharuskan makan dan minum yang haram ketika darurat;
1. Islam mewajibkan umatnya menjaga nyawa sebagai suatu yang berharga
  2. Memberi kelonggaran ketika darurat kepada umat Islam untuk menyelamatkan nyawa
  3. Melambatkan bahawa Islam tidak membebaskan / bahkan memudahkan umatnya

- (c) (i) Dua tanggungjawab manusia sebagai khalifah;
1. Beriman
  2. Beribadah
  3. Mengimarah muka bumi
  4. Sentiasa menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran

- (ii) Hikmah Allah menguji manusia dengan penderitaan;
1. Menentukan siapa antara mereka yang paling baik amalannya
  2. Menentukan siapa yang lebih bertakwa di sisi Allah SWT
  3. Mendidik sifat sabar dalam diri



Dari 514

2 (a) (i) Maksud Kalamallah:

1. Al-Quran
2. Wahyu
3. Firman Allah
4. Dakwah
5. Ajaran Islam
6. Syariat Islam

(ii) Suruhan Allah kepada orang Islam;

1. Memberi perlindungan
2. Menghantar ke tempat yang selamat
3. Menerangkan ajaran Islam.

(iii) Dua pengajaran ayat;

1. Kita *atau* umat Islam wajib menunjukkan teladan yang baik / kepada orang bukan Islam
2. Kita *atau* umat Islam wajib memberi perlindungan / kepada orang bukan Islam / dengan menghantar mereka ke tempat yang aman
3. Kita *atau* umat Islam wajib mengekalkan keamanan / yang sedang dinikmati sekarang / dianugerahkan Allah-
4. Kita *atau* umat Islam hendaklah saling bermaafan / antara satu sama lain

(b) (i) Maksud Nawafil ialah amalan-amalan sunat seperti solat sunat, puasa sunat, berzikir dan bertahmid.

(ii) Dua amalan sunat yang menghubungkan sesama manusia;

1. Memberi senyuman
2. Nasihat menasihati
3. Tolong-menolong
4. Berbudi bahasa
5. Ziarah-menziarahi
6. Sedekah

(iii) Umat Islam dituntut supaya saling mengasihi antara satu sama lain kerana mereka mempunyai pegangan akidah yang sama. Walaupun mereka terdiri daripada pelbagai bangsa dan warna kulit, umat Islam tetap bersaudara. Sebagai contoh, Rasulullah SAW telah mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar dalam peristiwa Hijrah. Asas persaudaraan yang dilakar melalui peristiwa Hijrah telah membawa kepada kekuatan negara Islam pada zaman kegemilangan kerajaan Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniah. Oleh itu, hadis di atas menyeru umat Islam agar saling mengasihi agar umat dan negara Islam menjadi teguh dan mendapat keredaan Allah SWT.

(c) (i) Dua ciri mukmin yang berjaya selain mereka yang menjaga kehormatan diri;

1. Beriman kepada Allah
2. Menunaikan solat dengan khusyuk
3. Menjauhi diri daripada perkara-perkara yang keji dan sia-sia
4. Mengeluarkan zakat
5. Menjaga kehormatan diri
6. Menunaikan amanah dan janji
7. Menjaga waktu-waktu solat

(ii) Dua cara pelajar menjaga kehormatan diri;

1. Menutup aurat dengan sempurna
2. Menjauhi pergaulan bebas dan zina
3. Menyalurkan keinginan nafsu syahwat melalui perkahwinan
4. Menghindarkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara keji seperti rasuah dan menipu

3 (a) (i) Dua contoh perbuatan mempersendakan agama;

1. Tidak mendirikan solat
2. Makan waktu siang hari pada bulan Ramadan depan khalayak ramai
3. Tidak membayar zakat yang difardukan
4. Menghina orang yang bertakwa
5. Melakukan maksiat

(ii) Dua balasan perbuatan mempermainkan agama seperti yang terdapat dalam ayat di atas;

1. Dimasukkan ke dalam neraka
2. Diberi minum daripada air panas yang menggelegak

(iii) Dua usaha yang perlu dilakukan sekiranya rakan anda suka melakukan perbuatan tersebut;

1. Menasihati supaya meninggalkan perbuatan itu
2. Memaklumkan kepada ibu bapa / guru
3. Mengajak menghadiri majlis ilmu / aktiviti agama
4. Memberikan sesuatu yang boleh menimbulkan kesedaran
5. Memulaukan jika dia degil
6. Mendoakannya

(b) (i) Dua sifat mazmumah;

1. Dengki mendengki
2. Tipu menipu
3. Benci membenci
4. Berpaling muka
5. Berjual beli di atas jual beli orang lain

(ii) Konsep persaudaraan dalam Islam ialah umat Islam bersaudara tanpa mengira keturunan, bangsa dan warna kulit

(iii) Dua usaha untuk mengekalkan perpaduan dalam masyarakat di Malaysia;

1. Mengadakan aktiviti gotong-royong
2. Mengadakan hari keluarga
3. Menubuhkan rukun tetangga
4. Menubuhkan persatuan penduduk
5. Mengadakan rumah terbuka
6. Ziarah-menziarahi

(c) (i) Dua pengorbanan ibu bapa;

1. Menanggung kesukaran semasa mengandung
2. Menanggung kesukaran semasa melahirkan anak
3. Menjaga / melindungi keselamatan anak
4. Bersusah payah menjaga keperluan harian
5. Memberi didikan / pengajaran / bimbingan kepada anak

(ii) Dua cara mentaati kedua-dua ibu bapa;

1. Hendaklah beradab sopan kepada ibu bapa
2. Mendengar nasihat ibu bapa
3. Prihatin dengan keperluan ibu bapa
4. Merendahkan suara ketika bercakap
5. Mematuhi perintah kecuali yang bertentangan dengan syarak
6. Melayan dengan baik
7. Menggembirakan hati ibu bapa
8. Sentiasa berterima kasih
9. Sentiasa mengenang budi
10. Sabar dengan perangai ibu bapa
11. Mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup
12. Mendoakan kesejahteraan roh
13. Menghormati sahabat-sahabat mereka

4 (a) (i) Dua ciri orang beriman yang terdapat dalam ayat;

1. Sujud kepada Allah

2. Tidak bersikap takabur

3. Mengingati Allah / bertasbih / memuji Allah
4. Melazimi Qiamullail
5. Menginfakkan harta

(ii) Dua cara berdoa seperti yang disarankan dalam ayat;

1. Berdoa dengan perasaan takut akan kemurkaannya
2. Berdoa dengan perasaan ingin memperoleh keredaannya

(iii) Tiga kebaikan menghayati budaya infak dalam masyarakat;

1. Berbakti kepada Allah
2. Menyempurnakan ibadah kebajikan manusia
3. Diberkati / disayangi / diredai Allah
4. Mengeratkan silaturahmi
5. Dapat pahala / balasan syurga

(b) (i) Dua sifat tersebut;

1. Sentiasa bertasbih / bertahmid kepada Allah
2. Berjual beli tanpa lalai daripada mengingati Allah
3. Taat mendirikan solat fardu
4. Takut kepada pembalasan hari akhirat

(ii) Dua amalan untuk mendapat hidayah Allah;

1. Menuntut ilmu
2. Beramal dengan ilmu
3. Berzikir kepada Allah

(c) Rujuk kepada guru anda atau, rujuk buku teks Tingkatan Lima muka surat 248

5 (a) (i) Konsep tawakal; Berserah diri kepada Allah setelah berusaha

(ii) Peranan tawakal dalam berdakwah;

1. Mengelakkan perasaan takut dan gentar
2. Supaya bertambah yakin kepada kekuasaan Allah
3. Menambahkan sifat sabar menghadapi dugaan
4. Menanamkan sifat reda di atas ketentuan Allah
5. Mengelakkan sikap mudah berputus asa
6. Menjadikan pendakwah sentiasa gigih

(iii) Dua pengajaran daripada potongan ayat al-Quran;

1. Kita atau umat Islam hendaklah bertawakal kepada Allah dalam setiap masa.
2. Umat Islam hendaklah bertawakal setelah berusaha bersungguh-sungguh.
3. Kita atau umat Islam hendaklah bertawakal kepada Allah untuk mengelakkan rasa putus asa.

(b) Hukum tajwid bagi pernyataan tersebut;

(i) Mad Wajib Muttasir

(ii) Mad Arid Lissukun

(iii) Idgham Mislain

(iv) Mad Lin

(c) Tukar pernyataan ke dalam tulisan Jawi; Rujuk buku teks Tingkatan 5, muka surat 268.

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT